

IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP JAMINAN MAKANAN DAN AMALAN PEMAKANAN DI KAWASAN MISKIN BANDAR, SABAH

(IMPACT OF COVID-19 PANDEMIC ON FOOD SECURITY AND PRACTICES IN URBAN POOR AREAS, SABAH)

ZAKARIA, Z.^{1*} – TANGIT, T. M.¹ – LIN, P. Y. P.¹ – AHMAD, Z. N. S.² – ARIS, N.³

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

³ *Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: zulaytizakaria[at]ums.edu.my*

(Received 19th July 2024; revised 18th October 2024; accepted 26th October 2024)

Abstrak. Kajian ini meninjau impak pandemik COVID-19 terhadap isu jaminan makanan dan amalan pemakanan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak kecil di kawasan miskin bandar di Kota Kinabalu, Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sosio-ekonomi dan kebolehdapatan makanan keluarga di penempatan miskin bandar di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Ini termasuklah aspek amalan pemakanan, jaminan makanan dan impak pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap penduduk miskin bandar terutamanya dalam kalangan bayi dan kanak-kanak yang berumur dua tahun ke bawah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah aplikasi pendekatan kualitatif secara temubual dan pemerhatian di lapangan yang melibatkan 20 orang informan di Kampung Numbak dan 20 orang informan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Telipok Ria, Kota Kinabalu, Sabah. Informan-informan tersebut terdiri daripada golongan wanita yang berkahwin dan mempunyai anak-anak yang berumur dua tahun ke bawah. Dapatan kajian menunjukkan impak daripada pandemik COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap status pemakanan dan gangguan terhadap jaminan makanan bayi dan kanak-kanak kecil di kawasan kajian. Kesimpulannya, jaminan makanan dan amalan pemakanan yang sihat amat mempengaruhi proses tumbesaran dan perkembangan bagi bayi dan kanak-kanak kecil yang berusia dua tahun ke bawah. Ini kerana jika bayi dan kanak-kanak kecil tidak memperoleh zat pemakanan yang mencukupi akan mempengaruhi kesihatan, proses tumbesaran dan perkembangan mental dan fizikal yang berbeza daripada bayi dan kanak-kanak kecil yang mendapatkan zat pemakanan yang mencukupi.

Katakunci: *COVID-19, keselamatan makanan, kesihatan, bayi dan kanak-kanak, kawasan miskin bandar*

Abstract. This study examines the impacts of the COVID-19 pandemic on food security issues and dietary practices among infants and young children in poor urban areas of Kota Kinabalu, Sabah. The objective of this study is to identify the socioeconomic status and food accessibility among families in urban poor settlements around Kota Kinabalu, Sabah. This includes aspects of dietary practices, food security, and the impacts of the COVID-19 pandemic and Movement Control Order (MCO) on urban poor populations, especially among infants and children aged two years and below. The methodology employed in this study includes qualitative approaches through interviews and field observations involving 20 informants from Kampung Numbak and 20 informants from Projek Perumahan Rakyat (PPR) Telipok Ria, Kota Kinabalu, Sabah. The informants consist of married women with children aged two years and below. The findings of the study indicate that the COVID-19 pandemic has negatively affected the nutritional status and disrupted food security for infants and young children in the study areas. In conclusion, food security and healthy dietary practices significantly influence the growth and development process for infants and young children aged two years and below. A low nutritional intake

may have a different impact on their health, growth process, and mental and physical development than those who received adequate nutrients.

Keywords: *COVID-19, food security, nutritional status, infants and children, urban poor areas*

Pengenalan

Pada penghujung Disember 2019 masyarakat di seluruh negara telah dikejutkan dengan penemuan suatu wabak baharu di wilayah Wuhan, China, iaitu wabak noval coronavirus atau dikenali sebagai Coronavirus Disease (COVID-19) atau 2019-nCoV. Berikutan dengan penemuan wabak tersebut, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization-WHO) telah mengeluarkan kenyataan rasmi tentang wabak berkenaan yang dinamakan sebagai Coronavirus Disease (COVID-19) pada 11 Mac 2020. Manakala di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan bahawa wabak COVID-19 mula merebak pada 23 Januari 2020 dengan kes terawal yang dicatatkan adalah di Sabah (dua kes) dan di Selangor (satu kes). Menurut laporan daripada WHO, sehingga 30 November 2020, jumlah kes COVID-19 mencecah 62 juta dengan lebih daripada 1.4 juta kematian di seluruh dunia. Di Malaysia pula, jumlah kes positif COVID-19, telah mencapai angka 65,697 dengan sebanyak 360 kematian (Adnan dan Nordin, 2021; Berma, 2021; Abdul Rashid, 2020; Chambers dan Anderson, 2020; Chhabra, 2020). Wabak yang melanda Malaysia ini telah memberi impak yang sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan terutamanya kesihatan. Ancaman penularan COVID-19 telah meninggalkan kesan dan perubahan yang mendalam dalam kehidupan semua manusia. Namun, tamparan hebat yang dirasai adalah golongan miskin dan rentan terutamanya golongan isi rumah B40 (Yahaya, 1991). Ini kerana mereka mempunyai hanya sedikit atau tiada langsung wang simpanan, kehilangan kerja, terpaksa mengambil cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mengakibatkan aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan (Ibhrim et al., 2022; Béné et al., 2020; Devereux et al., 2020; Imai et al., 2020). Kesan daripada penularan wabak COVID-19 juga telah menyebabkan kerajaan Malaysia terpaksa mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang bertujuan untuk memutuskan rantai wabak dengan mengawal penularan virus.

Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini bukan sahaja memberikan kesan kepada sistem politik, ekonomi, sosial dan pendidikan malah turut memberikan kesan negatif terhadap faktor kesihatan manusia. Dari segi pemakanan, amalan pemakanan semua peringkat umur turut berubah dan menurun secara mendadak termasuk dalam kalangan bayi dan kanak-kanak di bawah umur dua tahun. Faktor sosioekonomi seperti kewangan, ketakjaminan makanan dan persediaan yang kurang dalam menghadapi pandemik COVID-19 antara penyumbang kepada perkara ini. Gangguan terhadap status pemakanan adalah lebih terkesan bagi mereka yang tinggal di kawasan miskin bandar. Rentetan daripada perubahan amalan pemakanan dalam kalangan masyarakat di seluruh negara yang terkesan daripada pandemik COVID-19, maka suatu kajian telah dilaksanakan di Malaysia iaitu di Kota Kinabalu, Sabah bagi melihat faktor dan kesan pandemik COVID-19 terhadap amalan pemakanan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak yang berumur dua tahun kebawah di kawasan miskin bandar.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini adalah bersifat kualitatif meliputi pengumpulan sumber data primer dan data sekunder. Data primer di dapati melalui kajian lapangan yang dijalankan berdasarkan temubual dan pemerhatian. Temubual dijalankan terhadap ibu dan penjaga kepada bayi dan kanak-kanak yang berumur dua tahun ke bawah di Kampung Numbak dan Telipok Ria di Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 20 orang informan yang di temubual di Kampung Numbak dan 20 orang informan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Telipok Ria, Kota Kinabalu, Sabah. Dua penempatan ini dipilih kerana penduduk di kawasan tersebut kebanyakannya merupakan golongan miskin bandar. Manakala data sekunder pula di dapati dengan pengumpulan data dan maklumat-maklumat berkaitan dengan COVID-19 dan keselamatan makanan yang didapati di perpustakaan UMS, Arkib Negeri Sabah dan internet. Proses temubual dalam kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang permasalahan yang dihadapi oleh golongan wanita yang mengandung, mempunyai bayi yang baru lahir serta anak-anak di bawah umur dua tahun semasa pandemik COVID-19. Fokus permasalahan adalah terhadap proses penyusuan bayi dan penyediaan makanan yang berkhasiat kepada anak-anak mereka sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Temubual ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sama ada bayi dan kanak-kanak berumur bawah dua tahun di kawasan kajian mendapat nutrien yang seimbang untuk proses tumbesaran mereka ataupun tidak. Para informan yang dipilih adalah dalam kalangan wanita muda yang baru mempunyai anak serta wanita yang lebih berumur dan sudah mempunyai pengalaman dalam membesarkan anak-anak mereka. Para informan di dua lokasi kajian lapangan ini juga terdiri daripada warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen, bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen, bukan warganegara Malaysia yang memiliki dokumen dan pendatang tanpa izin (*Rajah 1 dan Rajah 2*).



Rajah 1. Kampung Numbak, Kota Kinabalu, Sabah.



Rajah 2. PPR Telipok Ria, Kota Kinabalu, Sabah.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Amalan pemakanan orang dewasa, bayi dan kanak-kanak berumur dua tahun ke bawah di kawasan miskin bandar

Sebelum berlakunya pandemik COVID-19 penduduk miskin bandar di dua lokasi kajian di dapati mengambil makanan yang seimbang dan pelbagai, yang merangkumi semua kumpulan makanan sebagaimana dalam Piramid Makanan Malaysia. Namun begitu, pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara terhadap pengambilan makanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kalangan penduduk miskin bandar tidak mengira kumpulan umur. Sumber kajian menyatakan bahawa semasa berlakunya pandemik COVID-19, mereka pada mulanya membuat catuan makanan di rumah agar mereka sekeluarga tidak kehabisan bekalan makanan dengan cepat. Ini kerana mereka hanya mengharapkan bekalan makanan yang disimpan sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, setelah berbulan-bulan pandemik COVID-19 melanda, simpanan bekalan makanan seperti beras, biskut, sardin, telur, makanan bayi dan sebagainya telah kehabisan. Keadaan ini menjadi bertambah buruk lagi apabila kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menyebabkan ketua keluarga tidak dapat keluar bekerja.

Majoriti penduduk miskin bandar kebanyakannya tidak mempunyai simpanan wang yang mencukupi, dan pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan wang simpanan mereka kehabisan. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa berhutang dengan keluarga dan jiran-jiran terdekat untuk membeli makanan. Dengan kekangan kewangan yang dihadapi serta kesukaran untuk mendapatkan makanan yang sihat dan pelbagai menyebabkan amalan pemakanan seimbang yang mereka amalkan sebelum berlakunya pandemik COVID-19 terjejas dengan teruk sehingga mempengaruhi keadaan fizikal dan mental mereka. Perubahan ini turut dialami dan dirasakan oleh golongan, bayi dan kanak-kanak di kawasan kajian. Sebelum berlakunya pandemik COVID-19, majoriti kanak-kanak di kawasan miskin bandar tidak cerewet memilih makanan dan makan apa sahaja yang disediakan oleh ibu bapa mereka, selain turut diberikan makanan yang berkhasiat. Tetapi setelah berlakunya pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ianya menyebabkan kanak-kanak dan bayi di kawasan miskin bandar turut kelaparan apabila bekalan makanan seperti beras, susu dan Nestum di rumah mereka telah kehabisan.

Kesan terhadap orang dewasa dan wanita mengandung

Dapatan kajian mendapati penduduk dalam kawasan miskin bandar kajian ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu warganegara, bukan warganegara dan pendatang tanpa izin. Dari segi pekerjaan ketua isi rumah adalah terdiri daripada nelayan, buruh, peniaga kecil-kecilan dan tukang cuci. Manakala kebanyakan isteri adalah tidak bekerja dan hanya menjadi suri rumah sepenuh masa. Hasil temubual dengan beberapa wanita yang mengandung mendapati bahawa semasa pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mereka dan ahli keluarga mereka terpaksa bergantung sepenuhnya pada tanaman ubi kayu yang di tanam oleh mereka sebelum pandemik sebagai satu-satunya sumber makanan mereka. Menurut mereka lagi, pengambilan ubi kayu dan daun ubi kayu setiap hari telah menyebabkan mereka mengalami masalah kesihatan seperti berlakunya pendarahan hidung dan tekanan darah meningkat. Susulan itu mereka terpaksa berhenti mengambil ubi kayu dan daun ubi kayu sebagai sumber makanan. Akhirnya mereka terpaksa kembali berlapar sehinggalah bantuan makanan tiba di rumah mereka. Situasi ini menyebabkan wanita mengandung tersebut menjadi letih, lemah dan mudah jatuh sakit. Anak dalam kandungan mereka juga di dapati kurang aktif dan ada informan yang menyatakan bahawa beliau hampir keguguran (*Rajah 3 dan Rajah 4*).



Rajah 3. Penempatan Penduduk Miskin Bandar di Kg. Numbak, Kota Kinabalu, Sabah.





Rajah 4. Penempatan Penduduk Miskin Bandar di PPR Taman Telipok Ria, Tuaran.

Kesan terhadap bayi dan kanak-kanak di bawah umur 2 tahun

Kesan daripada kekurangan pengambilan makanan yang berkhasiat sewaktu COVID-19 dan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh wanita hamil telah menyebabkan bayi yang dilahirkan lebih kecil size dan beratnya berbanding anak-anak yang dilahirkan sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Selain itu, anak yang dilahirkan mereka juga kebanyakannya mengalami masalah penyakit kuning. Setelah melahirkan anak, ibu-ibu di kawasan kajian ketika itu hanya mampu memberikan susu ibu kepada bayi mereka. Namun begitu, ada sesetengah ibu yang baru melahirkan anak mengalami masalah ketiadaan susu ibu dan susu yang keluar daripada payudara mereka sangat sedikit sehingga menyebabkan bayi yang baru dilahirkan kerap menangis dan tidak dapat tidur lena kerana kelaparan. Ibu-ibu yang baru melahirkan anak ini juga tidak mampu membeli susu formula untuk diberikan kepada bayi mereka bagi menggantikan susu ibu kerana ketiadaan wang. Pada masa itu juga berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang tidak membenarkan suami atau keluarga mereka untuk keluar bekerja bagi mendapatkan wang untuk membeli barangan keperluan untuk keluarga dan anak-anak mereka termasuklah susu formula. Di samping itu, ada juga sesetengah suami mereka yang terpaksa meminjam wang dari keluarga atau jiran-jiran mereka bagi membeli susu formula yang paling murah untuk diberikan kepada bayi mereka yang kelaparan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif terhadap status pemakanan serta gangguan terhadap kebolehdapatan makanan penduduk di kawasan kajian. Berikutan kekurangan makanan, penduduk di kawasan miskin bandar, sama ada orang dewasa mahupun kanak-kanak kecil tidak mempunyai peluang untuk memilih makanan mereka. Oleh itu, tanpa mengira sama ada bekalan makanan di rumah mereka berkhasiat atau tidak, mereka akan makan untuk mengisi perut mereka bagi menghilangkan rasa lapar. Manakala bagi kanak-kanak yang berusia enam bulan ke atas dan kanak-kanak kecil dibawah umur 2 tahun, kebanyakannya hanya diberi bubur nasi kosong yang ditambah garam oleh ibu mereka. Ini kerana hanya itulah makanan yang mampu disediakan oleh ibu bapa mereka pada ketika itu. Kesan daripada pengambilan makanan yang tidak mencukupi serta kesukaran untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat dan seimbang, menyebabkan bayi dan kanak-kanak di kawasan miskin bandar pada waktu itu mengalami gangguan masalah tumbesaran seperti bantut yang mana ketinggian yang tidak bersesuaian dengan umur mereka. Keadaan fizikal mereka juga lebih kurus berbanding saiz badan mereka sebelum berlakunya pandemik COVID-19 (*Rajah 5 dan Rajah 6*).



Rajah 5. Bantuan makanan untuk penduduk di kawasan miskin bandar di Kg. Numbak dan PPR Taman Telipok Ria, Kota Kinabalu, Sabah.



Rajah 6. Pelajar Jurusan Doktor Perubatan UMS membuat lawatan dan mengukur saiz bayi dan kanak-kanak berumur dua tahun ke bawah di Kg. Numbak dan Kota Kinabalu, Sabah.



Rajah 7. Pelajar Jurusan Doktor Perubatan UMS membuat lawatan dan mengukur saiz bayi dan kanak-kanak berumur dua tahun ke bawah di Kg. Numbak dan Kota Kinabalu, Sabah.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan di dua lokasi penempatan miskin bandar iaitu di Kg. Numbak, Kota Kinabalu dan PPR Taman Telipok Ria, Tuaran, didapati pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara terhadap kebolehdapatan makanan bagi orang dewasa dan kanak-kanak terutamanya bayi dan kanak-kanak yang berusia dua tahun ke bawah. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberikan impak negatif melalui perubahan besar terhadap amalan pemakanan mereka berbanding sebelum berlakunya COVID-19. Keadaan ini berikutan kekangan kewangan yang dihadapi sehingga memberi kesan terhadap jaminan makanan mereka sekeluarga. Mereka sukar untuk mendapatkan makanan seimbang, pelbagai dan berkhasiat. Ini seterusnya menjejaskan status kesihatan dan pemakanan mereka. Impak pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada bayi dan kanak-kanak yang berumur dua tahun ke bawah mendapati berlaku isu bantut dan susut. Ketiadaan makanan yang mencukupi menyebabkan nutrien dan kalori yang diperlukan tidak dapat dibekalkan. Ini seterusnya menyebabkan gangguan terhadap fungsi normal fisiologi tubuh dan mengakibatkan proses tumbesaran mereka terganggu. Oleh yang demikian, jaminan makanan dan amalan pemakanan yang sihat amat penting kerana ianya mempengaruhi proses tumbesaran dan perkembangan bayi dan kanak-kanak selain memberi kesan kepada status pemakanan orang dewasa juga.

Penghargaan

Pengarang ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui geran agensi luar (no. rujukan: GKP0044-2022) yang memberi sokongan sepenuhnya dari segi kewangan untuk menyiapkan kajian penyelidikan serta membiayai penerbitan artikel ini.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdul Rashid, A.A. (2020): Tip bahagia menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak COVID-19. – MI Amat & AJ Jusoh. Kompilasi Artikel Pendekatan Bimbingan dan Kaunseling dalam Menangani Impak COVID-19 (Eds.) 11p.
- [2] Adnan, N., Nordin, S.M. (2021): How COVID 19 effect Malaysian paddy industry? Adoption of green fertilizer a potential resolution. – Environment, Development and Sustainability 23(6): 8089-8129.
- [3] Béné, C. (2020): Resilience of local food systems and links to food security-A review of some important concepts in the context of COVID-19 and other shocks. – Food Security 12(4): 805-822.
- [4] Berma, D.A.A.R.D.M. (2021): Kesan pandemik beri dimensi baharu kemiskinan bandar. – Berita Harian 10p.
- [5] Chambers, J.W., Anderson, F. (2020): Stress in America A National Mental Health Crisis. – American Psychological Association 12p.

- [6] Chhabra, S. (2020): Psychological Implications of COVID-19 Pandemic--A Wide Spectrum of Manifestations. – *Journal of Evolution of Medical and Dental Sciences* 9(33): 2386-2392.
- [7] Devereux, S., Béné, C., Hoddinott, J. (2020): Conceptualising COVID-19's impacts on household food security. – *Food Security* 12(4): 769-772.
- [8] Ibhrim, Z., Raffar, Z., Aida, I.N., Mujani, W.K., Yaacob, S.E. (2022): Kajian rintis terhadap impak pandemik COVID-19 ke atas taraf hidup isi rumah B40. – *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)* 4(2): 17-28.
- [9] Imai, N., Dorigatti, I., Cori, A., Donnelly, C., Riley, S., Ferguson, N.M. (2020): Report 2: Estimating the potential total number of novel Coronavirus cases in Wuhan City, China. – *Imp. Coll. Lond.* 2: 1-6.
- [10] Yahaya, N. (1991): A profile of the urban poor in Malaysia. – *Journal of Contemporary Asia* 21(2): 212-221.